

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
(SEPANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 29.03.2018

Y.B. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN [SEPANG] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

- (a) dengan pengakuan Perdana Menteri bahawa wujudnya kegagalan dan kelemahan dalam urus tadbir 1MDB di InvestMalaysia 2018, adakah Kerajaan bersedia membuka semula penyiasatan semua kes 1MDB dan seterusnya mendakwa mereka terlibat dalam menyumbangkan kepada kelemahan / kegagalan urus tadbir tersebut; dan
- (b) senarai secara terperinci satu persatu kegagalan atau kelemahan 1MDB itu dan jumlah setiap kerugian kewangan bagi setiap kelemahan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) tidak mendapati terdapat penyelewengan dan kecelaruan dalam akaun dan urus tadbir 1MDB sebaliknya PAC antara lain telah mendapati terdapat kelemahan di dalam urus tadbir syarikat. PAC juga telah meminta pihak agensi penguatkuasaan (*enforcement agency*, dengan izin) yang berkenaan untuk mengambil tindakan yang selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua,

Pengerusi PAC telah menyatakan bahawa PAC tidak akan membuka semula siasatan terhadap 1MDB kerana siasatan mengenai 1MDB sudah dibentangkan di Dewan Rakyat dan terpulang kepada Kerajaan persekutuan untuk mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kegagalan yang dimaksudkan oleh YAB Menteri Kewangan adalah seperti mana yang telah diperincikan di dalam laporan PAC mengenai Kawalan Pengurusan Tadbir Urus 1Malaysia Development Bhd seperti kelemahan tadbir urus, kelemahan model perniagaan dan

ketidaksesuaian model pembiayaan syarikat yang mengutamakan penggunaan hutang. Disamping itu, 1MDB juga menghadapi isu ketidakseimbangan aliran tunai apabila penyenaraian saham (*initial public offering* atau *IPO*, dengan izin) syarikat Edra Bhd tidak dapat dilaksanakan.